

Ucapom: ADHO
519
138/80

Uchapan Yang Berhormat Inche Hussein Onn,
Menteri Pelajaran, di-Upachara Penutup
Seminar Pendidekan Islam Malaysia di-
Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan pada
4.4.1972 jam 3.00 petang.

Tuan Pengerusi, Tuan2 dan Puan2 yang hadir.

Saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak2
terima kaseh kepada tuan pengerusi, ahli2 Jawatankuasa
Seminar Pendidekan Islam Malaysia dan saterus-nya
kapada para peserta yang hadir. Saya berasa amat
sukachita kerana dapat hadir bersama2 tuan2 sekalian,
dan dapat memberi sapatah dua kata dalam upachara
penutup Seminar Pendidekan Islam Malaysia yang ber-
sejarah ini.

Hari ini saya sangat terharu berdiri di-
hadapan Seminar ini. Terharu kerana kesedaran, minat
dan kechenderongan tuan2 terhadap pendidekan Islam di-
negara kita ini. Minat dan semangat tuan2 yang ber-
kobar2 ini dapat di-lihat dengan jelas, apabila tuan2
semua sanggup mengorbankan masa dan juga tenaga fikiran
dalam tiga hari, dengan matalamat untuk menchari jalan
memperkemaskan Pendidekan Islam di-negara kita. ~~hari ini~~.

...2/-

Saya yakin bahwa

/ Para peserta seminar, ~~saya yakin~~, dalam masa tiga hari yang lalu, telah pun mendapat rumusan dan chadangan2 yang positif. Saya menunggu untuk menerima shor2 seminar ini dengan sa-penoh-nya untuk di-kaji pula oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Tuan2, bagi pihak saya, suka saya menyatakan bahawa saya bersedia memberikan kerjasama sa-penoh-nya dan seterusnya akan bersama2 tuan2 untuk memperkemas-kan pendidekan Islam ini. Sikap ini saya ambil kerana kita semua sedar bahawa pendidekan ugama ada-lah tanggung-jawab orang ramai dan ajaran2-nya menyentoh semua aspek hidup; ia-itu bukan sahaja soal akhirat, malahan tidak tertinggal juga perkara2 kehidupan dalam dunia ini.

Saperti yang terma'alom, pendidekan sa-saorang manusia itu di-mula^{di-} dari kechil; di-rumah, kanak2 itu ^{di-didek} oleh ibu bapa dan keluarga-nya, ^{di-} kawasan tempat ia tinggal, oleh masharakat-nya dan di-sekolah2 oleh guru2 dan kawan2-nya. Ketiga2 ini memainkan peranan besar dalam pendidekan sa-saorang kanak2 itu. Ini berarti bahawa ibu bapa, sekolah dan masharakat seluroh-nya hendak lah bekerjasama antara satu sama lain dalam

memainkan

...3/-

peranan-nya yang penting untuk mendidik kanak2 itu. Pendidikan bukanlah hanya berarti belajar menuntut ilmu dari buku, dan dari guru2 sahaja; maksud atau ta'rif pendidikan ada-lah lebih luas dari itu. Dalam keadaan negara kita sedang membangun sekarang, kita memerlukan warganegara, yang bukan sahaja cerdek dan pandai dari segi akal fikiran, tetapi juga warganegara2 yang mempunyai tata-tertib dan moral yang bertanggung jawab. Sa-sabuah negara ~~ini~~ atau masharakat^{itu}, jika tidak di-awasi, akan menjadi kuchar-kachir, jadi warga-negara tidak berdisiplin dan tidak patuh kepada undang2 dan peratoran2 negara. Maka di-sini-lah peranan masharakat dan tuan2 serta puan2 yang menghadziri Seminar ini, sangat di-kehendaki oleh semua pihak, lebih2 lagi pihak Kerajaan.

Kementerian Pelajaran telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa untuk mengkaji dan mengeshorkan sukatan2 pelajaran bagi semua sekolah Ugama bantuan Kerajaan. Sukatan2 pelajaran Ugama tersebut telah di-sahkan oleh Majlis Raja2 Melayu dalam tahun 1967. Termasuk dalam shor2 itu ia-lah penerimaan tiga mata pelajaran, ia-itu, Sharia'h, Usuluddin dan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, sebagai mata pelajaran prinsipal untuk Peperiksaan Sijil ~~Ter~~tinggi Pelajaran, anjoran Kementerian Pelajaran. Ini berma'ana ~~lah~~ bahawa

chalun2 pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan, dari sekolah2 Ugama kita, akan mendapat pilehan yang lebeh luas lagi untuk pelajaran pepereksaan mereka.


Beberapa pehak telah pun mengemukakan agar Kementerian Pelajaran mengambil alih beberapa buah sekolah2 Menengah Ugama, supaya mutu pentadbiran dan mata pelajaran-nya terjamin dengan memuaskan. Pada prinsip-nya, chadangan ini ada baik-nya, tetapi masalah2 praktik yang akan di-hadapi itu tidak boleh di-elakkan juga.

Rumusan2 Seminar yang telah di-kemukakan itu sunggo lah menarek perhatian. Tetapi saya mengharapkan juga agar tuan2 sekalian tidak lah hanya mengemukakan shor2 yang timbul dalam seminar ini, malah bersama2 lah kita sedar bahawa, perkara melaksanakan sa-suatu yang baharu itu ada-lah mengambil masa yang panjang dan melibatkan banyak bahagian2 yang berkaitan.

Buat penutup Seminar Pendidekan Islam ini, saya dengan suka ^{-nya} ~~hati~~ menguchapkan sa-tinggi2 tahniah kepada ahli2 Jawatankuasa Seminar, yang telah berjaya meng-anjurkan Seminar yang bersejarah ini, dan tidak ketinggalan juga kepada tuan2 semua dan pehak2 yang berkenaan kerana memberi kerjasama dalam usaha menjayakan kerja2 yang

di-harapkan akan memberi faedah kepada Ugama dan Bangsa.

Dengan itu saya ~~dengan sukachita~~ menutup Seminar Pendidekan Islam ini.



di-harapkan akan memberi faedah kepada Ujara dan
Baryas.

Demikianlah surat ini saya sampaikan dengan hormat
dan terimakasih dalam ini.



No. Siri	99
No. Penerimaan	99/80